

# Pendaftaran Alumni Sempena Festival KONVOKESYEN KE-6 UNIMAP

Oleh: En. Azfardon Zulkamal Azmi

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah melaksanakan Kajian Pengesahan Graduan (Tracer Study) secara atas talian (online) secara tahunan dengan kerjasama setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tidak terkecuali Universiti Malaysia Perlis. Kajian ini adalah untuk mengukur tahap employability dan marketability serta mengumpul maklumat bagi tujuan menilai kualiti program yang ditawarkan dan perkhidmatan yang diberikan oleh setiap IPT dapat dikumpul dan digunakan bagi tujuan suaipadan majikan, kajian employability, marketability, job mobility dan job trend yang sangat diperlukan pihak KPT. Justeru Unit Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah bertanggungjawab bagi memastikan setiap bakal graduan wajib mengisi kajian tersebut secara online dengan sasaran 100% kajian itu diisi. Bakal graduan juga dikehendaki mengisi sistem online alumni Universiti Malaysia Perlis sebagai syarat sebelum dibenarkan menyertai konvokesyen kali ke-6 Universiti Malaysia Perlis yang berlangsung pada hari Sabtu dan Ahad, 17 dan 18 September 2011 di Dewan 2020 Kangar. Unit Alumni telah membuka kaunter di Institute Of Nano Electronic Engineering di Blok A, Taman Pertiwi Indah, Jalan Kangar-Alor Setar, Seriab 01000 Kangar selama 3 hari berturut-turut iaitu pada hari Rabu 14 September 2011, Khamis 15 September 2011 dan Jumaat 16 September 2011 untuk memeriksa nama pelajar bagi memastikan pelajar mengisi kedua-dua sistem online tersebut.

